


**SEJARAH PERANG KUBU PARIT DI EROPAH
(1914-1918)**



KENNETWOLFSTEEN JERSON

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 2022**

**SEJARAH PERANG KUBU PARIT DI EROPAH
(1914-1918)**

KENNETWOLFSTEEN JERSON



**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJIAN DALAM BIDANG SEJARAH**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 2022**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **SEJARAH PERANG KUBU PARIT DI EROPAH (1914-1918)**
IJAZAH : **SARJANA MUDA**
BIDANG : **SAINS SOSIAL (SEJARAH)**

Saya **KENNETWOLFSTEEN JERSON** sesi **2019-2022** mengaku membenarkan tesis Sarjana Muda ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

| | |
|-------------------------------------|--------------|
| <input type="checkbox"/> | SULIT |
| <input type="checkbox"/> | TERHAD |
| <input checked="" type="checkbox"/> | TIDAK TERHAD |

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)



**KENNETWOLFSTEEN
JERSON
BA19110874**

TARIKH : 12 OGOS 2022

Disahkan Oleh,
ANITA BINTI ARSAD
PUSTAKAWAN KANAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)

Anantha Raman

P.M DR. ANANTHA RAMAN
GOVINDASAMY

(Penyelia Utama)

PENGAKUAN

Saya dengan ini mengakui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 OGOS 2022



KENNETWOLFSTEEN JERSON

BA19110874



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **KENNETWOLFSTEEN JERSON**
NO. MATRIK : **BA19110874**
TAJUK : **SEJARAH PERANG KUBU PARIT DI EROPAH
(1914-1918)**
IJAZAH : **IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA (SEJARAH)**

DISAHKAN OLEH;

PENYELIA
P.M. DR. ANANTHA RAMAN GOVINDASAMY



TANDATANGAN

Anantha Raman

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGHARGAAN

Puji tuhan! Tuhan sentiasa bersama dengan saya. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana telah memberkati saya, memberikan saya kekuatan dan ketabahan untuk menyiapkan penulisan tesis ini. Segala cabaran yang saya hadapi sepanjang tempoh perjuangan ini, saya dapat merasakan setiap penyertaan daripada Tuhan dalam kehidupan saya. Begitu juga dengan ibu dan bapa yang saya cintai. Ribuan terima kasih kerana sentiasa menyokong saya, walaupun berada jauh dari saya, namun sokongan serta nasihat tetap ada. Tidak dilupakan juga keluarga angkat saya di kota kinabalu, terima kasih kerana memberi sokongan kepada saya.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Professor Madya Dr. Anantha Raman Govindasamy selaku penyelia saya sepanjang penulisan tesis ini. Segala ketabahan beliau dan masa yang diluangkan oleh beliau bersama-sama dalam menyiapkan penulisan tesis ini tidak dapat dizarhkan dengan kata-kata. Namun, biarlah keberhasilan tesis ini membuatkan dirimu akan dihargai sepanjang hayat. Segala tunjuk ajar daripada Dr akan saya jadikan segala teladan dan motivasi dalam kehidupan di masa yang akan datang.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan terima kasih dan syukur kepada Clare Amanda Ontok. Terima kasih kerana sudi memberikan nasihat dan pertolongan sepanjang tempoh saya menulis penulisan ilmiah ini. Bukan itu sahaja, terima kasih juga kepada sahabat-sahabat saya, iaitu Dean Ryan Yeong, Fadznor Rahman, Jacker Dillary dan juga Aron Melson. Terima kasih atas segala sokongan kalian.



KENNETWOLFSTEEN JERSON

12 OGOS 2022

ABSTRAK

Latihan Ilmiah ini merupakan satu kajian mengenai sejarah perang kubu parit di Eropah dari tahun 1914 sehingga tahun 1918. Dalam kajian ini, penulis hanya menggunakan kaedah kepustakaan, iaitu kajian melalui penelitian bahan-bahan seperti buku, artikel dan juga laman web yang diiktiraf. Melalui kajian ini, penulis telah membincangkan beberapa perkara yang menjadi objektif kajian ini. Pertama, pengkaji akan membincangkan struktur kubu parit yang terdapat di eropah sepanjang tempoh perang dunia pertama berlaku. Bukan itu sahaja, melalui kajian ini juga telah dibincangkan beberapa teknologi senjata yang digunakan secara meluas dalam perang kubu parit di Eropah. Objektif ketiga kajian ini adalah berkenaan dengan impak daripada perang kubu parit. Akhir sekali, melalui dapatan kajian ini, ia dapat menyumbang dalam akademik mengenai sejarah perang kubu parit. Kajian ini juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan kepada pelajar dan penyelidik yang ingin mengkaji lebih dalam mengenai perang kubu parit di eropah.

Kata Kunci : Perang Kubu Parit, Eropah, Struktur, Teknologi Senjata, Impak Perang.



SENARAI KANDUNGAN

| | |
|---|----------------|
| TAJUK | I |
| PENGAKUAN | II |
| PENGESAHAN | III |
| ABSTRAK | VI |
| SENARAI KANDUNGAN | V-VII |
| SENARAI GAMBAR | VIII-IX |
| BAB 1 PENGENALAN | HALAMAN |
| 1.1 Latar Belakang Kajian | 1 |
| 1.2 Permasalahan Kajian | 1-2 |
| 1.3 Objektif Kajian | 2-3 |
| 1.4 Kepentingan Kajian | 3 |
| 1.5 Metodologi Kajian | 3 |
| 1.6 Sorotan Literatur | 3-8 |
| 1.7 Skop Kajian | 8-9 |
| 1.8 Pembahagian Bab | 9 |
| 1.9 Kesimpulan | 9-10 |
| BAB 2 STRUKTUR KUBU PARIT DALAM PERANG DUNIA PERTAMA DI EROPAH | |
| 2.1 Pengenalan | 11 |
| 2.2 Definisi Strategi Kubu Parit | 11-12 |

| | | |
|--|--|-------|
| 2.3 | Struktur Asas Dalam Kubu Parit Semasa Perang Dunia Pertama | 13 |
| 2.3.1 | <i>Sandbags</i> | 13-14 |
| 2.3.2 | <i>Parapet Dan Parados</i> | 14-15 |
| 2.3.3 | <i>Firestep</i> | 15-16 |
| 2.3.4 | <i>Duckboard</i> | 16-17 |
| 2.4 | Struktur Dalaman Kubu Parit Serta Fungsinya | 17 |
| 2.4.1 | <i>Front Line Trench</i> | 17 |
| 2.4.1.1 | <i>Saps</i> | 17-19 |
| 2.4.1.2 | <i>No Man's Land</i> | 19-20 |
| 2.4.1.3 | <i>Fire Trench</i> | 20 |
| 2.4.2 | <i>Support Trench</i> | 21 |
| 2.4.3 | <i>Reserve Trench</i> | 21 |
| 2.4.4 | <i>Comunication Trench</i> | 21-22 |
| 2.4.5 | <i>Dugout</i> | 22-24 |
| 2.5 | Kesimpulan | 25 |
| BAB 3 TEKNOLOGI SENJATA DALAM PERANG KUBU PARIT | | |
| 3.1 | Pengenalan | 26 |
| 3.2 | Senjata Tempur Jarak Dekat | 26 |
| 3.2.1 | <i>Trench Knives</i> | 27 |
| 3.2.2 | <i>Club</i> | 27-28 |
| 3.3 | <i>Hand Grenade</i> | 29-31 |
| 3.4 | <i>BoltAction Rifle</i> | 32 |
| 3.5 | <i>Flamethrower</i> | 33-34 |
| 3.6 | <i>Machine Guns</i> | 34-36 |
| 3.7 | <i>Trench Mortar</i> | 36-38 |
| 3.8 | Kesimpulan | 39 |
| BAB 4 IMPAK PERANG KUBU PARIT | | |
| 4.1 | Pengenalan | 40 |

| | | |
|----------------|---|-------|
| 4.2 | Kemunculan Penyakit Baru Dalam Kubu Parit | 40-41 |
| 4.2.1 | <i>Trench Foot</i> | 41-44 |
| 4.2.2 | <i>Trench Fever</i> | 44-47 |
| 4.2.3 | <i>Shell Shock</i> | 47-51 |
| 4.3 | Perubahan Landskap | 51-52 |
| 4.4 | Peningkatan Angka Korban Perang | 53-54 |
| 4.5 | Kesimpulan | 55 |
| BAB 5 | KESIMPULAN | 56-57 |
| RUJUKAN | | 58-61 |




UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI GAMBAR

| FOTO | TAJUK | HALAMAN |
|------|--|---------|
| 2.1 | Struktur asas dalam kubu parit | 13 |
| 2.2 | Contoh penggunaan <i>Sandbags</i> dalam kubu parit | 14 |
| 2.3 | Tentera Perancis berdiri rapat dengan parapet yang diperbuat dari <i>Sandbags</i> dan ranting kayu | 15 |
| 2.4 | Tentera Perancis Berdiri Diatas <i>Fire Step</i> dalam <i>Sentry Duty</i> 1915 | 16 |
| 2.5 | Tentera membuat <i>Saps</i> dengan cara menyambungkan <i>Shell Craters</i> dengan kubu parit sedia ada | 18 |
| 2.6 | <i>No Man's Land</i> | 19 |
| 2.7 | Gambaran <i>Treversed Trenches</i> | 20 |
| 2.8 | Lakaran bentuk <i>Communication Trenches</i> dalam kubu parit | 22 |
| 2.9 | <i>Dugout</i> yang dibina dengan menggunakan kayu dan <i>Sandbags</i> | 23 |
| 2.10 | <i>Dugout</i> jenis ' <i>Rabbit Hole</i> ' atau ' <i>Funk Hole</i> ' | 24 |
| 2.11 | Tentera yang berehat di <i>Dugout</i> mereka | 24 |
| 3.1 | <i>Trench Knives</i> | 27 |
| 3.2 | Senjata Belantan yang digunakan dalam perang kubu parit | 28 |
| 3.3 | <i>Stick Grenade</i> yang digunakan oleh tentera Jerman | 29 |
| 3.4 | Bom jenis <i>Jam Tin</i> dihasilkan di belakang <i>reserve trenches</i> | 30 |
| 3.5 | Bom tangan <i>Jam Tin</i> | 31 |
| 3.6 | Bom tangan <i>Hairbrush</i> | 31 |
| 3.7 | Senjata bolt-action rifle jenis Lee-Enfield 303 | 32 |
| 3.8 | <i>Kleinflammenwerfer</i> yang digunakan Jerman | 34 |
| 3.9 | Machine gun jenis <i>The Vickers</i> | 34 |
| 3.10 | <i>The Lewis</i> yang dikendalikan oleh dua anggota tentera | 35 |
| 3.11 | <i>The Stokes</i> | 36 |
| 3.12 | <i>Toffee Apple</i> | 37 |
| 3.13 | Peluru untuk ' <i>Toffee Apple</i> ' | 38 |

| | | |
|------|--|----|
| 3.14 | <i>Heavy Trenches Mortar</i> yang menggunakan bom ' <i>the flying pig</i> ' | 38 |
| 4.1 | Keadaan kaki pesakit yang menghidap <i>Trench Foot</i> | 41 |
| 4.2 | Tentera dalam kubu parit yang dipenuhi dengan air dan lumpur | 43 |
| 4.3 | Pemeriksaan kesihatan untuk mengenal pasti <i>Trench Foot</i> | 44 |
| 4.4 | Simptom penyakit <i>Trench Fever</i> | 45 |
| 4.5 | Tikus dalam kubu parit yang menjadi penyebab kepada <i>Trench Fever</i> | 46 |
| 4.6 | Kegiatan tentera membuang <i>lice</i> atau <i>louse</i> yang ada pada baju mereka | 47 |
| 4.7 | Tentera yang mengalami <i>shell-shock</i> | 48 |
| 4.8 | Tentera yang mengalami gejala <i>tremors</i> | 49 |
| 4.9 | <i>Electric shock treatment</i> | 50 |
| 4.10 | Keadaan hutan setelah perang | 52 |
| 4.11 | Korban perang kubu parit | 53 |
| 4.12 | Mayat Tentera dalam Kubu Parit Setelah Pengeboman Menggunakan <i>Trench Mortar</i> | 54 |



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Latar Belakang Kajian

Sejak dari zaman kuno, peperangan menjadi jalan penyelesaian terakhir bagi konflik yang tercetus antara dua pihak. Melalui catatan sejarah, boleh dikatakan bahawa negara-negara yang wujud masa ini adalah hasil daripada peperangan yang berlangsung suatu ketika dahulu. Namun perang terbesar yang pernah tercetus dan menyebabkan pelbagai kesan adalah perang dunia. Perang terbesar yang pertama telah berlaku dalam sekitar tahun 1914 sehingga 1918. Peperangan ini hanya berlaku di eropah yang telah disertai oleh negara-negara Eropah seperti Jerman, Britain, Rusia, Perancis, Austria-Hungary, Serbia, Itali, Belgium dan Turki.

Selain itu, tidak dinafikan bahawa strategi peperangan turut mempengaruhi perang dunia pertama. Bagi memastikan kemenangan dalam peperangan, pelbagai strategi telah digunakan oleh negara-negara eropah. Antaranya ialah strategi perang menggunakan kubu parit. Perang kubu parit ini biasanya berlaku apabila kedua-dua belah pihak tidak ingin menyerah kalah dan berganjak daripada tempat mereka. Mereka akan tetap bertahan dikawasan tersebut dengan cara mengali kubu parit. Pelbagai teknologi senjata telah digunakan semasa peperangan ini. Teknologi ini bukan sahaja menyebabkan kematian, ia juga telah menyebabkan perang dunia kedua lebih ganas.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Perang dunia pertama merupakan perang pertama yang disertai oleh beberapa negara Eropah. Setiap negara yang terlibat ini masing-masing telah menggunakan pelbagai strategi untuk memastikan kemenangan memihak kepada mereka. Antara strategi peperangan yang menjadi pilihan negara-negara Eropah ini adalah strategi perang kubu parit. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini adalah berkisarkan tentang perang kubu parit semasa perang dunia pertama di Eropah.

Strategi Perang kubu parit ini sebenarnya telah lama diaplikasikan dalam peperangan, terdapat banyak kerajaan kuno yang menggunakan strategi ini untuk menjadikan kemenangan milik mereka. Akan tetapi, semasa perang dunia pertama, kesemua negara yang terlibat dalam perang dunia pertama telah menggunakan kembali strategi ini. Namun perkara yang membezakan penggunaan strategi diantara kerajaan terdahulu dengan negara Eropah adalah dari segi teknologi. Oleh itu, berdasarkan keunikan yang ada pada topik kajian, ia telah menyebabkan pengkaji lebih bersemangat untuk mengkaji dengan lebih mendalam dalam topik perang kubu parit.

Dalam kajian ini, wujud satu isu utama yang menarik sehingga telah mendorong kepada kewujudan persoalan kajian. Isu utama dalam kajian ini adalah perang kubu parit menjadi titik mula kepada perkembangan teknologi senjata ketenteraan yang telah menjadi asas kepada teknologi senjata dunia masa kini. Oleh itu, berdasarkan pernyataan ini, tiga persoalan telah dibentuk. Pertama, bagaimanakah struktur kubu parit yang dibina semasa perang dunia pertama di Eropah. Persoalan ini cuba untuk mencari jawapan bagi struktur bentuk kubu parit. Seterusnya, persoalan kedua iaitu apakah teknologi senjata yang diguna pakai oleh askar-askar dalam perang kubu parit. Dan persoalan yang terakhir adalah apakah kesan yang dialami oleh masyarakat selepas berakhirnya perang dunia pertama di Eropah.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama. Objektif pertama adalah menjelaskan struktur kubu parit semasa perang dunia pertama. Kesemua bahagian dalam struktur kubu parit seperti jenis-jenis kubu parit serta fungsinya akan dikaji bagi menjawab persoalan mengenai bentuk struktur kubu parit ketika perang dunia pertama di eropah. Objektif yang kedua adalah mengenalpasti teknologi senjata yang digunakan dalam perang kubu parit. Dalam objektif yang kedua ini, pelbagai jenis teknologi senjata perang akan dikaji dengan lebih teliti. Objektif ini bertujuan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai teknologi senjata yang telah digunakan oleh askar-askar yang terlibat dalam perang kubu parit di Eropah semasa perang dunia pertama. Objektif yang ketiga iaitu menghuraikan kesan perang kubu parit semasa perang

dunia pertama. Objektif ini menyentuh tentang kesan daripada peperangan yang menggunakan strategi perang kubu parit semasa perang dunia pertama di Eropah.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian dan penulisan mengenai sejarah perang kubu parit ini sememangnya amat kurang dilakukan oleh sejarawan tempatan. Kebanyakan tajuk penulisan sejarah ketenteraan seperti ini dihasilkan oleh penulis luar negara. Perkara ini tidak dinafikan lagi telah menyebabkan berlakunya kekurangan sumber rujukan dalam bahasa tempatan. Oleh itu, kajian ini sangat penting untuk dilaksanakan memberi kesedaran serta info kepada masyarakat tentang perang kubu parit dalam perang dunia pertama. Kajian ini turut dilakukan bagi menambah sumber rujukan masyarakat tempatan.

1.5 METODOLOGI KAJIAN

Bagi menyelesaikan kajian ini, pengkaji menjadikan disiplin sejarah sebagai asas utama kepada penyelidikan. Pengkaji menggunakan pendekatan Kualitatif dalam usaha mengumpul maklumat dan data untuk kegunaan kajian. Kaedah utama yang dilakukan oleh pengkaji adalah melalui kaedah kajian kepustakaan. Disebabkan dengan kekangan semasa pandemik Covid-19, pengkaji tidak melaksanakan kaedah kajian kepustakaan di perpustakaan yang terdekat. Melainkan pengkaji telah membeli buku-buku secara atas talian untuk digunakan dalam usaha mencari maklumat mengenai sejarah perang kubu parit. Selain itu, pengkaji juga telah melayari laman web untuk mencari sumber rujukan seperti artikel yang diterbitkan oleh laman web yang diiktiraf.

1.6 SOROTAN KAJIAN

Seperti yang dinyatakan dalam objektif kajian, kajian ini mempunyai tiga tema yang berlainan. Akan tetapi, setiap daripada tema ini saling berkaitan. Tema pertama dalam kajian ini adalah bertujuan untuk menjelaskan struktur kubu parit semasa perang dunia pertama. Manakala tema kedua kajian ini adalah untuk menjelaskan teknologi senjata yang telah digunakan dalam kubu parit semasa Perang Dunia Pertama. Tema terakhir kajian ini adalah mengkaji apakah impak perang kubu parit. Oleh itu, bagi menjawab persoalan yang wujud dalam kajian ini. Penulis telah memilih beberapa buku hasil penulisan ahli akademik. Bukan itu sahaja, penulis juga telah

mengambil beberapa artikel ilmiah yang boleh membantu penulis mendapatkan jawapan untuk persoalan kajian. Antara buku yang dipilih penulis adalah 'the rocky road to the great war: the evolution of trench warfare to 1914', 'eye deep in hell : Trench warfare in World War I', 'Trench: a history of trench warfare on the western front', Trench Warfare, 1914-1918: the live and let live system.

Pertama sekali, buku yang dihasilkan oleh Nicholas Murray, bertajuk '*The Rocky Road To The Great War: The Evolution Of Trench Warfare To 1914*'. Tujuan penulis memilih buku ini adalah untuk menjawab persoalan untuk tema satu kajian penulis, iaitu mengenai struktur kubu parit. Dalam buku ini, terdapat satu petikan yang menyebabkan penulis mengambil keputusan untuk mengkaji buku ini. Nicholas Murray telah menjelaskan bagaimana kubu parit itu dibina, "*They were constructed by throwing the earth dug up to one side, thus creating a bank at the top of the hole being dug*".¹ Pernyataan ini jelas telah menjawab persoalan tema satu dalam kajian penulis.

Seterusnya, penulis telah memilih buku tulisan daripada John Ellis, yang bertajuk '*Eye Deep in Hell : Trench Warfare in World War I*'. Buku ini diterbitkan pada tahun 1989 oleh The John Hopkins University Press yang terletak di Baltimore. Buku ini sebenarnya menjadi salah satu rujukan utama penulis untuk menjawab persoalan tema satu sehingga tema tiga. Tema pertama kajian ini adalah mengkaji mengenai struktur kubu parit. Buku John Ellis ini mempunyai data yang cukup berkenaan dengan struktur kubu parit. Antara perkara yang dibincangkan dalam buku ini seperti *parapet* dan *parados*, iaitu salah satu daripada struktur asas dalam kubu parit. Bukan itu sahaja, buku ini juga mengandungi beberapa penerangan mengenai bahagian-bahagian penting dalam kubu parit seperti saps atau menurut John Ellis, saps ini juga boleh dikatakan sebagai *observation posts* atau *listening posts*.² Penulis buku ini juga ada menerangkan *No Man's Land*, iaitu bahagian paling hadapan kubu parit. Menurut John Ellis, jarak bahagian ini boleh mencapai sehingga 275 meter dan ada juga jarak kawasan *No Man's Land* hanya 6 sehingga 7 meter.

¹ Murray, Nicholas., *The rocky road to the Great War: The evolution of trench warfare to 1914*, Potomac Books, Inc., 2013, hlm. 10.

² Ellis, John. *Eye-deep in Hell: Trench Warfare in World War I*. JHU Press, 1989, hlm. 10.

Buku *'Eye Deep in Hell : Trench Warfare in World War I'*, oleh John Ellis ini juga telah digunakan untuk menjawab persoalan tema ketiga kajian. Seperti yang diketahui, tema ketiga bagi kajian ini adalah menjelaskan persoalan mengenai impak perang kubu parit yang berlaku. Buku ini mengandungi penerangan berkenaan dengan penyakit Trench foot. John Ellis mengatakan pada tahun pertama bermulanya perang kubu parit. Penyakit trench foot ini hanya mempunyai 8 kes yang direkodkan. Namun pada tahun 1915, penyakit ini telah mencapai sehingga 6462 kes yang direkodkan.³ Bukan itu sahaja, beliau juga ada menerangkan gejala-gejala yang dialami oleh tentera yang menghadapi penyakit *Trench Foot*. Menurut beliau, penyakit ini berlaku ketika kaki menjadi kebas secara beransur-ansur, bertukar menjadi merah atau biru, dan dalam kes yang teruk gangren akan berlaku, iaitu kematian setempat dan penguraian tisu badan, akibat daripada peredaran darah terhalang atau jangkitan bakteria. Dalam kes ketika gangren berlaku, jari kaki, atau seluruh kaki yang mempunyai gangren perlu dipotong.⁴

Selain itu, pengkaji juga telah memilih buku yang ditulis oleh Stephen Bull. Buku yang bertajuk *'Trench: a history of trench warfare on the western front'* ini diterbitkan oleh Bloomsbury Publishing pada tahun 2014. Kandungan dalam buku ini sangat berguna untuk pengkaji. Hal ini kerana buku ini boleh digunakan untuk menjawab kesemua tema yang ada dalam kajian pengkaji. Pertama sekali, Stephen Bull ada menjelaskan tujuan strategi perang kubu parit ini digunakan dalam perang Dunia Pertama. Menurut beliau, "*Trenches were to be used to protect troops and allow them to use their weapons to the 'greatest effect'. They were also intended to 'reduce losses' in one theatre or part of a field of battle, specifically to allow men and resources to be released for more useful application elsewhere'*"⁵. Petikan ini telah menarik perhatian pengkaji untuk menggunakan buku tersebut. Petikan ini menjelaskan bahawa tujuan utama pembinaan kubu parit ini adalah untuk membolehkan tentera menggunakan senjata mereka dengan lebih efektif. Kubu parit ini juga bertujuan untuk melindungi para tenteranya.

³ *Ibid.*, hlm. 48.

⁴ *Ibid.*

⁵ Bull, Stephen. *Trench: A History Of Trench Warfare On The Western Front*. Bloomsbury Publishing, 2014, hlm. 38.

Bahagian dalam kubu parit juga ada dinyatakan dalam buku tersebut. Menurut Stephen Bull, kebanyakan *dugout* di bahagian hadapan kubu parit, iaitu *frontline trench*, dibina dengan cara mengali lubang kecil di bahagian depan atau belakang kubu parit. Stephen Bull mengatakan *dugout* dibaris hadapan kubu parit ini dikenali sebagai *rabbit burrows*, '*funk holes*'. Akan tetapi, buku ini lebih banyak digunakan oleh pengkaji untuk menjawab tema kedua kajian. Buku ini ada menerangkan penggunaan teknologi senjata dalam kubu parit. Antaranya iaitu bom tangan yang dikenali sebagai *Jam Tin* dan *Hairbrush* atau *Raquette*. Bom tangan ini merupakan salah satu senjata yang ada dalam perang kubu parit. Bukan itu sahaja, penulis juga ada menghuraikan satu jenis senjata *trench mortar* jenis medium yang dikenali sebagai '*toffee apple*'.

Buku Stephen Bull ini juga telah digunakan oleh pengkaji untuk menjelaskan persoalan tema ketiga kajian. Tema ketiga kajian ini adalah berkenaan dengan impak yang berlaku apabila perang kubu parit berlaku. Beliau mengatakan salah satu impak daripada perang kubu parit ini adalah munculnya penyakit baru dalam kubu parit. Penyakit yang dimaksudkan itu adalah penyakit *trench foot*. Stephen Bull mengatakan penyakit *trench foot* dan *frostbite* ini mempunyai persamaan. Kedua-dua penyakit ini berlaku akibat daripada "*loss of circulation*".⁶

Buku yang ditulis oleh Tony Ashworth juga telah menjadi pilihan pengkaji. Buku yang bertajuk "*Trench Warfare, 1914-1918: the live and let live system*" ini telah membincangkan beberapa perkara. Antaranya, fungsi *saps*, menurut penulis, *saps* ini menjadi tempat bagi tugas *observation and advanced warning post*.⁷ Perkara yang dinyatakan oleh penulis ini sebenarnya sangat berguna untuk pengkaji. Ia boleh menjawab persoalan untuk tema pertama kajian, iaitu mengenai dengan struktur asas dalam kubu parit. Bukan itu sahaja, buku ini juga digunakan oleh pengkaji untuk menjawab persoalan dalam tema kedua kajian. Buku ini ada membincangkan teknologi senjata yang dikenali sebagai *machine guns*. Senjata ini merupakan senjata penting yang ada dalam setiap bahagian kubu parit, ia boleh digunakan sebagai senjata pertahanan serta senjata automatik semasa menyerang

⁶ *Ibid.*, hlm. 79.

⁷ Ashworth, Tony. *Trench Warfare, 1914-1918: The Live And Let Live System*. Pan Macmillan, 2000, hlm. 5.

kubu parit musuh. Senjata yang dimaksudkan ini adalah senjata yang dikenali sebagai *The Vickers* dan juga *The Lewis*.

Selain menggunakan buku sebagai bahan rujukan, pengkaji juga telah mengambil beberapa artikel ilmiah yang dihasilkan beberapa penulis. Tujuan pengkaji menggunakan bahan rujukan jenis artikel dalam jurnal ini adalah untuk menambahkan lagi bahan rujukan kajian agar mampu menjawab persoalan setiap tema. Artikel yang pertama adalah yang bertajuk "*The Sociology of Trench Warfare 1914-18*". Artikel ini ditulis oleh A. E. Ashworth. Artikel ini membincangkan mengenai sosiologi dalam perang kubu parit, iaitu meliputi hubungan askar dengan musuhnya. Namun dalam artikel ini, terdapat beberapa pernyataan mengenai struktur bentuk kubu perang parit. Buktinya, "*Dugouts or recesses were built into both sides of the trench; these provided protection and places of rest. In front of the trench, on the enemy side, barbed wire entanglements gave protection against direct frontal assault. A system of communication and reserve trenches connected the front line trench to the rear military formation*"⁸. Oleh itu, penulis telah memilih artikel ini untuk dijadikan sebagai rujukan untuk mengkaji sejarah perang kubu parit. Melalui buku ini juga, pengkaji berjaya mendapatkan data untuk senjata *trench mortar*.

Karya H. D. Trowce yang diterbitkan pada tahun 1918, dengan tajuk *Suggestions On Trench Construction, Etc.* Karya ini telah menjadi pilihan pengkaji untuk bahagian tema 1. Hal ini kerana penulis ada menyertakan maklumat mengenai jenis-jenis kubu parit dalam artikel ini. Buktinya, "*Many different types of communication trenches are built elbowed, zig-zagged*"⁹. Dengan pernyataan tersebut kita boleh melihat bahawa artikel ini sangat berguna. Bukan itu sahaja, penulis juga ada membincangkan mengenai jenis-jenis kubu parit seperti *Fire Trenches, Support Or Supervision Trenches* dan banyak lagi. Hal ini jelas menunjukkan artikel yang dipilih oleh pengkaji sememangnya mampu menjawab segala persoalan dalam kajian dan mencapai objektif kajian ini.

⁸ Ashworth, A. E., *The Sociology of Trench Warfare 1914-18*, *The British Journal of Sociology*. Vol. 19(4), 1968, hlm 408.

⁹ H. D. Trowce, *Suggestions On Trench Construction, Etc.*, *Professional Memoirs, Corps of Engineers, United States Army, and Engineer Department at Large*, Vol. 10(51), 1918: 370.

Seterusnya, artikel yang bertajuk *Environments Of Death: Trench Warfare On The Western Front, 1914-18*. Dalam artikel yang dihasilkan oleh Dorothee Brantz, ada dinyatakan beberapa maklumat mengenai struktur kubu parit ini. Buktinya, *"each country developed a distinctive style of trench building, which, especially in the case of Britain and Germany, became increasingly complex as the conflict wore on"*.¹⁰ Artikel ini sangat penting untuk memberikan gambaran kepada pengkaji untuk mengetahui struktur reka bentuk dalam kubu parit.

Artikel kedua yang digunakan sebagai rujukan dalam kajian ini adalah, *"Trench Foot: The Medical Response in the First World War 1914-18"* yang ditulis oleh Robert L. Atenstaedt. Salah satu kesan utama daripada peperangan yang menggunakan kubu parit adalah penyakit. Oleh itu, artikel ini sangat sesuai dengan tema tiga. Hal ini kerana, intipati daripada artikel ini adalah perbincangan mengenai penyakit trench foot. Menurut artikel ini, hampir kesemua daripada askar yang dihantar ke hospital mempunyai simptom-simptom penyakit trench foot. Hal ini boleh dilihat melalui pernyataan berikut, *"It was observed that the disease largely attacked the toes; but in many cases, the leg became swollen up to the knee. In severe cases, large blisters, filled with clear, "gangrene smelling" fluid, were present"*.¹¹ Selain itu, Robert juga telah membincangkan punca sebenar bagaimana berlakunya penyakit ini. Buktinya, *"soaking of men's limbs in cold and muddy water, absence of local heat production from leg muscles because of long periods of immobility, and tightness of footwear"*.¹²

1.7 SKOP KAJIAN

Skop kajian dalam penulisan ini adalah sejarah ketenteraan yang memfokuskan kepada perang kubu parit semasa perang dunia pertama. Batasan kajian adalah dari tempoh 1914 sehingga 1918 iaitu semasa berlangsungnya perang dunia pertama.

¹⁰ Brantz, D., *Environments Of Death: Trench Warfare On The Western Front, 1914-18*, In *War And The Environment : Military Destruction In The Modern Age*, United States Of America : Texas A&M University Press, 2009, him. 72.

¹¹ Atenstaedt R. L., *Trench foot: the medical response in the first World War 1914-18*, *Wilderness & environmental medicine*, Vol. 17(4), 2006: 282.

¹² *Ibid.*

Lokasi kajian ini lebih tertumpu di bahagian Eropah. Hal ini disebabkan perang dunia pertama lebih banyak berlaku di Eropah.

1.8 PEMBAHAGIAN BAB

Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji akan membahagikan kandungan kajian kepada lima bab utama mengikut objektif kajian. Pembahagian kajian ini bertujuan untuk memudahkan pengkaji menerangkan dan membincangkan setiap persoalan yang wujud dalam topik sejarah perang kubu parit di eropah. Melalui pembahagian bab yang dilakukan ini secara tidak langsung membolehkan pengkaji mengelakkan diri daripada melakukan kesilapan dalam penyusunan maklumat. Selain itu, pembahagian bab ini juga akan turut memudahkan pembaca untuk memahami setiap bab dalam kajian dengan lebih terperinci lagi dan seterusnya boleh dijadikan sebagai rujukan penting pada masa akan datang.

Bab yang pertama adalah perbincangan mengenai latar belakang penyelidikan seperti latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, tinjauan kajian lepas, skop kajian, metodologi kajian dan pembahagian bab. Manakala bab yang kedua adalah penjelasan mengenai struktur kubu parit semasa perang dunia pertama. Dalam bab ini, pengkaji akan menyentuh mengenai struktur kubu parit seperti jenis-jenis kubu parit serta.

Bab tiga merupakan perbincangan mengenai teknologi senjata yang digunakan dalam perang kubu parit. Pengkaji akan menerangkan pelbagai jenis teknologi senjata perang seperti teknologi gas beracun, teknologi senjata yang telah digunapakai secara meluas dalam perang kubu parit di eropah semasa perang dunia pertama. Bab empat ialah penjelasan mengenai kesan perang kubu parit semasa perang dunia pertama. Pengkaji akan menghuraikan kesan-kesan daripada peperangan yang menggunakan strategi perang kubu parit semasa perang dunia pertama di Eropah. Akhir sekali, iaitu bab lima. Bab ini merupakan penutup kepada penulisan pengkaji. Dalam bab terakhir ini, pengkaji akan membuat kesimpulan berdasarkan hasil dapatan kajian yang merangkumi bab satu hingga bab lima.

1.9 KESIMPULAN

Dalam usaha menjalankan kajian tentang sejarah perang kubu parit di eropah semasa era perang dunia 1. Penyelidikan lebih mendalam mengenai struktur bentuk kubu parit, teknologi senjata serta kesan perang kubu parit. Pengkaji akan

membuktikan bahawa segala struktur serta senjata dalam perang kubu parit ini telah menyebabkan kesan yang buruk.



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Bab 2

STRUKTUR KUBU PARIT DALAM PERANG DUNIA PERTAMA DI EROPAH

2.1 Pengenalan

Peperangan sememangnya telah berlaku sejak dari zaman dahulu. Setiap kali konflik terjadi dalam masyarakat, kemuncak daripada konflik tersebut adalah peperangan. Perang yang berlaku ini akan menyebabkan kehilangan nyawa, kemusnahan harta benda dan banyak lagi. Namun ia juga telah membentuk negara-negara yang ada pada masa ini. Akan tetapi, peperangan terbesar yang berlaku dan melibatkan banyak pihak iaitu perang dunia pertama dan perang dunia kedua. Segala strategi peperangan yang telah digunakan semasa perang pada zaman dahulu, ia telah diperbaiki dan digunapakai dalam perang dunia pertama. Antaranya adalah strategi perang kubu parit atau dikenali sebagai *Trench Warfare*.

Oleh itu, bab 2 ini akan membincangkan struktur kubu parit dalam perang dunia pertama di Eropah. Pertama sekali, penulis akan menghuraikan takrifan kubu parit dan bahagian seterusnya pula, penulis akan beralih kepada struktur asas dalam kubu parit semasa perang dunia pertama di Eropah. Ketiga, penulis akan menjelaskan bahagian yang ada dalam kubu parit serta fungsinya. Bahagian terakhir dalam bab ini, penulis akan menganalisis struktur kubu parit dalam perang dunia pertama dan menilai sekiranya terdapat perbezaan struktur kubu parit antara negara yang terlibat dalam perang kubu parit ini.

2.2 Definisi strategi kubu parit

Strategi kubu parit ini merupakan satu teknik perang yang digunakan secara meluas pada Perang Dunia Pertama. Ia sangat penting untuk strategi pertahanan statik untuk mematahkan serangan musuh. Maksud kubu itu dapat ditakrifkan sebagai satu

tempat perlindungan atau pertahanan yang dibina khusus bagi tujuan mempertahankan sesuatu kawasan daripada serangan pihak musuh.¹ kubu parit ialah kubu yang dibuat melalui cara mengali lubang serupa dengan parit. Menurut Nicholas Murray, “*They were constructed by throwing the earth dug up to one side, thus creating a bank at the top of the hole being dug*”.² Akan tetapi kubu parit ini boleh mencapai kedalaman sehingga 7 kaki dan mempunyai bahagian-bahagian yang tersendiri dan sangat kompleks.

Penggunaan strategi kubu parit yang terawal dalam perang dunia pertama ini adalah pada bulan September 1914. Ia digunakan oleh *German VII Reserve Corps* yang bertahan kemaraan *British I Corps*. Setelah beberapa minggu saling berbalas serangan, kedua-dua belah pihak telah mengambil langkah drastik dengan cara mempratikkan strategi perang *trench warfare*. Ia merupakan satu teknik pertahanan yang diciptakan oleh jurutera tentera Perancis, Sébastien Le Prestre de Vauban.³ Garis pertahanan kubu parit ini telah merebak dari North sea sehingga ke sempadan Swiss dengan panjang kubu parit 475 miles.⁴

Penggunaan strategi ini adalah bertujuan untuk melindungi kesemua tentera dan memberikan peluang kepada mereka untuk menggunakan senjata mereka dengan sebaik mungkin. Strategi ini sangat berkesan dalam usaha mengurangkan kadar kehilangan aset tentera. Buktinya, Stephen Bull mengatakan;

*"Trenches were to be used to protect troops and allow them to use their weapons to the 'greatest effect'. They were also intended to 'reduce losses' in one theatre or part of a field of battle, specifically to allow men and resources to be released for more useful application elsewhere"*⁵

¹ Nur Athmar Hashim, Tengku Fauzan Tengku Anuar, dab Siti Aisyah Muhammad, Analisis Kerosakan Kubu Peperangan Tinggalan British Pada Zaman Peperangan Dunia Ke II Di Kampung Ger, Bachok, Kelantan, *International Journal Of Heritage, Art And Multimedia (IJHAM)* (2021).

² Murray, Nicholas., *The rocky road to the Great War: The evolution of trench warfare to 1914*, Potomac Books, Inc., 2013, him. 10.

³ Editor of Britanica, *Trench Warfare*, dipetik dari <https://www.britannica.com/topic/trench-warfare> pada 29 Mei 2022.

⁴ Ellis, John. *Eye-deep in hell: Trench warfare in World War I*. JHU Press, 1989, him. 10.

⁵ Bull, Stephen. *Trench: a history of trench warfare on the western front*. Bloomsbury Publishing, 2014, him. 38.